

KENYATAAN MEDIA
MENGENAI HUKUM MEROKOK DARI PANDANGAN ISLAM
PADA 25 JULAI 2011

1. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang kali ke-37 di Dewan Syura, Tingkat 11 Pusat Islam Kuala Lumpur pada 23 Mac 1995 telah membincangkan isu **Merokok Dari Pandangan Islam** dan telah **bersetuju memutuskan** seperti berikut:

“Merokok adalah haram dari pandangan Islam kerana padanya terdapat kemudharatan”

2. Keputusan yang telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia tersebut adalah **bersandarkan kepada hujah-hujah** berikut:
 - i. Rokok mengandungi pelbagai jenis racun. Fakta daripada kajian-kajian perubatan telah membuktikan bahawa setiap batang rokok mengandungi 6-8 mg. Nikotian dan pelbagai bahan kimia lain. Setiap sedutan asap rokok sebenarnya kita telah menghidu sebanyak 4,000 jenis bahan kimia yang boleh memudharatkan badan.
 - ii. Ketagihan tembakau bukan hanya menimbulkan masalah kepada perokok, malah ia berada di tempat keempat dalam senarai faktor risiko bagi penyakit serius yang menular di seluruh dunia. Tabiat merokok dikaitkan dengan risiko barah, penyakit jantung dan masalah pernafasan. Terdapat beberapa jenis penyakit yang berpunca dari

merokok, antaranya ialah kanser kerongkong, kanser mulut, katarak (sejenis kerosakan mata yang menyebabkan kanta mata berselaput dan rabun), ulser perut, penyakit jantung, strok, penyakit paru-paru, *emfisema* paru-paru dan banyak lagi.

- iii. Pada masa kini jumlah perokok sama ada dinegara maju atau negara membangun masih begitu besar, walaupun berbagai usaha telah dibuat oleh Kerajaan serta badan-badan sukarela bagi menyedarkan orang ramai tentang bahayanya merokok kepada orang ramai. Di Malaysia, merokok menyumbang kepada lebih 10,000 kematian setahun; 30% daripadanya disebabkan 10 jenis kanser, iaitu paru-paru, mulut, esophagus, tekak, pankreas, pundi kencing, buah pinggang, serviks, kolon dan perut. Sebanyak 50% kematian berpunca daripada sakit jantung dan strok. Kerajaan telah membelanjakan banyak wang untuk merawat berbagai jenis penyakit yang dikaitkan dengan tabiat merokok dan negara juga mengalami kerugian kira-kira RM 20 billion setahun bagi menanggung kos rawatan dan kehilangan produktiviti.
- iv. **Imam al-Syafi'e** telah mengeluarkan fatwa dalam kitabnya yang masyhur *al-Umm* iaitu:” Jika mereka mengambil (sesuatu makanan, minuman atau sesuatu yang dihisap, dihidu dan disedut) yang boleh memabukkan, maka perbuatan itu **adalah jelas haram**. (Termasuklah) yang mengandungi racun yang menyebabkan kematian. Aku tetap menganggap (menfatwakan) **ia adalah haram**. Allah swt mengharamkan (apapun jenis) pembunuhan kerana pembunuh bermakna membunuh diri sendiri”.

- v. Para ulama' sepakat menyatakan bahawa **merokok hukumnya haram** kerana ianya **jelas memudharatkan kesihatan, membazir dan mensia-siakan harta serta dikategorikan sebagai satu perkara keji**, berdasarkan nas-nas berikut:
- a. Firman Allah swt dalam **Surah al-Baqarah, ayat 195** yang bermaksud: **"Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan"**.
 - b. Firman Allah swt dalam **Surah al-A'raf ayat 157** yang bermaksud; **" Dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk"**.
 - c. **Sabda Rasulullah s.a.w** yang bermaksud: **" Tidak boleh memberi mudharat dan membalas dengan kemudharatan"**.
(Hadith riwayat Ahmad, Malik, Ibn Majah dan al-Daraqutni)
 - d. **Kaedah Usul Fiqh:** **درء المفساد مقدم على جلب المصالح** "menolak kerosakan adalah didahulukan daripada mencari kemaslahatan"
 - e. Imam Ibn. Hazm dalam kitabnya al-Muhalla, jilid 7, halaman 503 (masalah no. 1027) menegaskan bahawa : **"Pemborosan adalah haram"**. Yang dimaksudkan dengan pemborosan di sini ialah:
 - i. **Membelanjakan wang untuk perkara yang diharamkan oleh Allah swt, samada banyak atau sedikit, walaupun sebesar sayap nyamuk sekalipun.**
 - ii. **Pembaziran yang tidak ada keperluannya.**

kini bersandarkan **hujah-hujah kepada nas-nas syarak yang jelas** dinyatakan seperti **al-Quran, al-Hadith, Ijma' Ulama', Qaedah-qaedah Fiqhiyah dan sebagainya**. Ayat-ayat al-Quran dan hadith seperti yang dinyatakan di atas jelas telah memperincikan isu ini.

4. Al-Syeikh Hasanain Muhammad Makhluf, bekas Mufti Mesir dalam Kitabnya Fatawa Syariyyah Wa Buhuth Islamiyah menyatakan:

“ Sesungguhnya tumbuhan (tembakau) ini dahulunya belum dikenali. Apabila ia diperkenal dan digunakan oleh manusia untuk merokok, maka ulama'-ulama' fiqh daripada pelbagai mazhab Islam telah membincangkannya untuk menetapkan hukumnya berdasarkan prinsip (qaedah fiqhiyyah) yang telah ditetapkan.”

“Sesungguhnya berdasarkan **hukum asal sesuatu itu harus**. Tidak akan terkeluar daripada prinsip asal melainkan **adanya perkara-perkara yang mengubah hukumnya menjadi haram atau sebagainya.**”

Dalam isu merokok ini, **sebab yang menjadikannya haram** ialah **kesan mudharat dan bahayanya** sehingga **meruntuhkan lima asas utama** (al-Kulliyatul Khams) yang wajib dipelihara oleh setiap manusia iaitu **agama, jiwa, maruah keturunan, akal dan juga harta**.

5. Dalam fatwa merokok ini, setakat ini **kebanyakan negeri telah memfatwakannya**. Walaubagaimanapun **hanya dua (2) negeri mewartakannya** iaitu Pulau Pinang dan Selangor. Walaupun pewartaan masih diperingkat pelaksanaan oleh negeri-negeri, **namun dari sudut hukum, ia perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh semua umat Islam secara bersungguh-sungguh dari masa ke semasa**. Manakala dari segi **penguatkuasaan undang-undang** untuk larangan merokok, undang-undang

telah diperuntukkan secara jelas oleh Kerajaan sepertimana yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan dan pihak PBT, dan **sewajarnya tidak timbul sebarang isu** kerana undang-undang sedia ada **saling sokong menyokong di antara hukum syarak dan undang-undang** dan **tidak wajar sama sekali** dikaitkan dengan hukum pengharaman arak dan khinzir.

Sekian, terima kasih.